

09 APR 1999

Azhar-Mahathir

AZHAR SEDANG MENGHAMPIRI TANJUNG TANDUK

LANGKAWI, 9 April (Bernama) -- Pelayar Malaysia Azhar Mansor hari ini terus belayar menghampiri Tanjung Tanduk selepas mendapat suntikan semangat daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam untuknya meneruskan pelayarannya mengelilingi dunia dan mencata dua rekod baru.

Perdana Menteri yang telah pulih daripada jangkitan paru-paru selepas dirawat di Institut Jantung negara semalam berkata beliau terharu dengan ucapan selamat daripada pelayar itu melalui Internet dan berharap Azhar akan berjaya mencapai impiannya itu.

Pada 2 Feb Dr Mahathir, penaung cabaran Jalur Gemilang, melepaskan Azhar dari Langkawi untuk membuat percubaan bersejarah itu dan berjanji kerajaan akan membantunya.

Dalam e-melnya semalam kepada Dr Mahathir, Azhar berdoa supaya beliau cepat sembuh selepas rawatan itu.

Noel Belman, penasihat dan juga pegawai komunikasi projek Cabaran Jalur Gemilang berkata di Awana Porto Malai di sini hari ini bahawa beliau telah menyampaikan perutusan Perdana Menteri itu kepada Azhar.

dalam e-melnya terbarunya hari ini, Azhar berkata beliau berasa seronok dan tidak sabar kerana sedang menghampiri Tanjung Tanduk yang akan melayakannya menyertai kelab elit antarabangsa mengandungi pelayar-pelayar yang telah secara bersendirian melepasi tanjung itu dengan kapal layar mereka.

Belman berkata kelab itu adalah satu pertubuhan tidak rasmi yang mana anggota-anggotanya berhak memakai subang emas sama di telinga kiri atau kanan bergantung kepada laluan yang mereka pilih untuk melepasi Tanjung Tanduk.

"Ia adalah seperti satu pengiktirafan kerana belayar melepasi Tanjung Tanduk dianggap seperti "pelayaran menakluki Everest", " katanya.

Semalam, Azhar telah belayar sejauh 10,072 batu nautika dan telah berada dilaut selama 66 hari. Beliau masih ada 13,330 batu nautika lagi untuk mencapai impiannya itu.

Azhar melaporkan posisi kapalnya pada Latitud 53 darjah 18' 96" Selatan, Longitud 099 darjah 02' 50" dengan purata kelajuan 7 knot.

-- BERNAMA

NH WAT